

TERMA RUJUKAN

GERAN PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL

(TR@UPSI)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Unit Pengurusan Penyelidikan (UPP)
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

1.0 OBJEKTIF

Geran Penyelidikan Translasional (TR@UPSI) ditawarkan bagi tujuan:

- 1.1 menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), di bawah Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi.
- 1.2 menyokong hasil penyelidikan yang boleh dipindah dan diasimilasi kepada kerajaan, komuniti, industri, akademia dan alam sekitar (Quintuple Helix).
- 1.3 mempercepatkan pengkomersialan produk/outcome yang boleh diterjemahkan dan dikomersialkan mengikut kehendak pasaran semasa.

2.0 SYARAT PERMOHONAN

2.1 Cadangan penyelidikan di bawah geran ini hendaklah :

- Berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang bersifat applied dan sebolehnya-bolehnya telah dilindungi harta intelek atau telah dikomersialkan atau mempunyai Letter of Intent (LoI) dari syarikat yang berkenaan untuk tujuan pengkomersialan atau telah digunakan oleh industri/komuniti.
- Bersifat pemindahan/asimilasi ilmu/teknologi kepada kerajaan, komuniti, industri, akademia dan alam sekitar (Quintuple Helix).

2.2 Geran ini ditawarkan kepada kakitangan akademik UPSI bertaraf tetap dan kontrak. Tempoh perkhidmatan ketua penyelidik mesti berbaki sekurang-kurangnya 1 tahun dari tarikh geran ditutup.

2.3 Kakitangan akademik yang akan atau sedang cuti belajar/ sabbatical/ pasca kedoktoran/ sangkutan tidak layak memohon.

2.4 Kakitangan akademik yang dianugerahkan geran ini boleh memohon mana-mana geran GPU yang ditawarkan pada tahun semasa.

2.5 Penyelidik bersama hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang kakitangan akademik UPSI bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan fakulti/pusat tanggungjawab yang sama.

2.6 Bilangan penyelidik bersama adalah mengikut kesesuaian. Penglibatan penyelidik antarabangsa dan industri adalah sangat digalakkan.

2.7 Kolaborasi dengan agensi kerajaan, industri atau antarabangsa adalah amat digalakkan.

2.8 Ketua penyelidik dan penyelidik bersama perlu mematuhi etika penyelidikan yang telah ditetapkan. Penyelidikan yang melibatkan sampel manusia perlu mendapatkan kelulusan Etika Penyelidikan Manusia dan perlu dilaporkan dalam Laporan Kemajuan 1.

3.0 SKOP PENYELIDIKAN

Kertas cadangan penyelidikan mestilah memenuhi skop penyelidikan seperti berikut:

3.1 Penyelidikan yang mempunyai serahan hasil penyelidikan “research deliverables” yang berpotensi untuk dipindah, diasimilasi dan dikomersialkan untuk manfaat pihak berkepentingan dalam konteks “quintuple helix”;

3.2 Penyelidikan yang merangkumi sekurang-kurangnya 70% elemen penyelidikan gunaan (applied) dan 30% elemen penyelidikan fundamental;

3.3 Penyelidikan berasaskan “demand driven”, “purpose driven” ataupun “value driven”; dan

3.4 Pendekatan pelaksanaan secara holistik yang memenuhi proses dalam rantai nilai (value chain).

4.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan minimum tiga (3) bulan dan maksimum adalah dua (2) tahun.

5.0 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dimohon hendaklah berpadanan dengan proposal penyelidikan (honest budget) yang dikemukakan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (MJPIU) tertakluk kepada kecukupan dana. Minimum dana penyelidikan adalah RM5,000.00.

6.0 HASIL PENYELIDIKAN

Setiap penyelidikan hendaklah menghasilkan:

6.1 Penerbitan

Sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan di mana satu (1) penerbitan artikel jurnal sekurang-kurangnya MyCITE (accepted) dan satu (1) penerbitan dalam pelbagai saluran seperti artikel dalam surat khabar, dan majalah, buku, kertas pernyataan pendirian (position paper) dan sebagainya. Penghargaan (acknowledgement) kepada geran UPSI (kod penyelidikan) mestilah dinyatakan secara jelas dalam setiap penerbitan.

6.2 Harta Intelekt

Satu (1) harta intelek (mana-mana satu (1) daripada senarai di bawah):

- a. Paten
- b. Trademark
- c. Industrial Design
- d. Geographical Indication
- e. Copyright
- f. Layout Design
- g. Trade Secret

6.3 Hasil pengkomersialan

- i. Penyelidik hendaklah mengemukakan apa-apa bukti pengkomersialan seperti dinyatakan dalam cadangan penyelidikan selaras dengan objektif dan skop kajian (contoh: MOA/LOI/bukti jualan produk).
- ii. Hasil pengkomersialan daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan ini dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut tertakluk pada Garis Panduan Harta Intelek dan Pengkomersialan UPSI semasa.

6.4 Lain-lain hasil penyelidikan yang dipersetujui dalam Mesyuarat MJKPIU / MJPIU / Fakulti./Pusat Tangunggjawab.

7.0 PERATURAN KEWANGAN

- 7.1 Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan tertakluk kepada kecukupan dana peruntukan RMIC, Tabung Amanah fakulti/PTj atau projek one-off.
- 7.2 Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan berdasarkan kelulusan MJPIU.
- 7.3 Penyelidik perlu menyediakan anggaran kos kajian dalam cadangan kewangan mengikut keperluan cadangan penyelidikan.
- 7.4 Penyelidik perlu menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk hal-hal yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja.
- 7.5 Garis Panduan Kewangan semasa adalah terpakai bagi geran TR@UPSI ini.
- 7.6 Semua kos hasil penyelidikan (termasuk pendaftaran harta intelek WAJIB dimasukkan dalam bajet penyelidikan)
- 7.7 Pembelian aset adalah dibenarkan di bawah VOT35000.

8.0 PENILAIAN DAN KELULUSAN

- 8.1 Cadangan penyelidikan perlu melalui proses penilaian di peringkat fakulti dan diperakui di Mesyuarat Pengurusan Fakulti sebelum dikemukakan kepada RMIC untuk penyelarasan.
- 8.2 Permohonan yang telah dinilai akan diperakukan oleh MJKPIU dan diluluskan oleh MJPIU.
- 8.3 Surat kelulusan dikeluarkan setelah pemohon bersetuju menerima tawaran dan melengkapkan Borang Aku Janji Penyelidikan.
- 8.4 Keputusan penilaian geran adalah muktamad.

9.0 PEMANTAUAN

9.1 Laporan Kemajuan

Bagi penyelidikan yang lebih daripada satu (1) tahun, Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kemajuan dengan mengisi Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan dalam tempoh setiap enam (6) bulan seperti yang ditetapkan.

9.2 Laporan Akhir

Ketua Penyelidik perlu mengemukakan laporan akhir dengan mengisi Borang Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat penyelidikan.

9.3 Dokumen yang perlu dikemukakan semasa penghantaran laporan akhir adalah seperti berikut:

9.3.1 Satu (1) laporan akhir projek penyelidikan Profil penyelidikan (5-10 muka surat) mengikut format yang ditetapkan dalam bentuk salinan keras (hardcopy) dan salinan lembut (softcopy) format PDF.

9.3.2 Semua bukti hasil penyelidikan dalam Perkara 6.0.

9.4 Kegagalan penyelidik mengemukakan laporan kemajuan, laporan akhir dan hasil penyelidikan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyelidikan Universiti Pindaan 2021.

10.0 KAEDAH PERMOHONAN

Proses kerja penawaran adalah mengikut proses kerja semasa (Sila rujuk lampiran).

11.0 CARTA PERBATUAN PENYELIDIKAN

Tempoh permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kecukupan dana RMIC/Tabung Amanah fakulti/PTj atau projek one-off masing-masing.

12.0 TANGGUNGJAWAB

12.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) berperanan dalam proses penilaian permohonan kajian; menyelaraskan dan mengawal selia permohonan dan pemantauan penyelidikan.

12.2 RMIC berhak menolak sebarang proposal yang berunsurkan pengubahsuaian, plagiat dan pengulangan. Setiap proposal yang dihantar akan disemak Indeks Persamaan (Similarity Index) menggunakan perisian Turnitin, sekiranya perlu.

12.3 Ketua Penyelidik perlu memahami terma rujukan kajian sebelum memohon dan memastikan kajian berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif dan hasil/output kajian mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi.

12.4 Penyelidik bersama perlu menjalankan kajian yang telah diluluskan dan berperanan dalam membantu mencapai objektif dan hasil/output kajian mengikut masa yang ditetapkan.